

Media Title : Ecentral.My
Headline : Senarai Pelepasan Cukai 2024 Untuk e-Filing 2025
Date : 1 January 2025
Page : Online
Tone : Neutral News

Home / Cukai

Senarai Pelepasan Cukai 2024 Untuk e-Filing 2025

badra - 1 January 2025 - 9 minit



Senarai Pelepasan Cukai 2024 Untuk e-Filing 2025

Senarai Pelepasan Cukai Bagi Tahun Taksiran 2024 LHDN (e-Filing 2025) Follow eCentral di WhatsApp Channel Senarai Pelepasan Cukai Bagi Tahun Taksiran 2024 LHDN (e-Filing 2025) Seperti setiap tahun, pengemukaan Borang Nyata (BN) Tahun Taksiran 2024 dan Tahun Saraan 2024 melalui e-Filing bagi pembayar cukai individu dan selain individu iaitu Borang BE, B, M, BT, MT, P, TF, TP dan E boleh dilakukan mulai 01 Mac 2025.

LHDN telah menyenaraikan pelepasan cukai individu pemastautin bagi tahun taksiran 2023 untuk makluman semua pembayar cukai.

Berikut adalah senarai Pelepasan yang boleh dituntut dalam pengiraan cukai atau e-filing yang akan dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi e-filing nanti.

Adakah Anda Layak Dikenakan Cukai?

Cukai pendapatan dikenakan terhadap setiap individu bagi pendapatan yang terakru atau terbit di Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia bagi setiap tahun taksiran.

Seseorang individu yang mempunyai jumlah pendapatan **MELEBIHI** nilai ambang yang ditetapkan, yang boleh dikenakan cukai perlu mendaftar fail cukai pendapatan.

Skop pengenaan cukai seseorang individu adalah bergantung kepada taraf mastautinnya.

Individu bermastautin dikenakan cukai mengikut kadar cukai berskala serta layak menuntut potongan menurut seksyen 45A ACP hingga seksyen 49 ACP.

Manakala individu bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar tetap 30% dan tidak layak menikmati sebarang potongan.

Sebarang punca pendapatan daripada luar Malaysia yang dibawa masuk ke Malaysia adalah dikecualikan cukai.

Individu yang menerima pendapatan penggajian tahunan **melebihi RM 37,333** dan mereka yang mempunyai Potongan Cukai Bulanan layak dikenakan cukai.

Pengiraan ambang jumlah pendapatan individu yang **TIDAK DIKENAKAN CUKAI** adalah mengambil kira **pendapatan kasar tahunan ditolak dengan pelepasan asas individu dan rebat cukai yang layak** .

Pelepasan asas yang diambil kira adalah pelepasan individu dan saudara tanggungan serta pelepasan suami / isteri dan anak (di bawah umur 18 tahun) bagi individu yang telah berkahwin.

Manakala tolakan rebat individu (RM400) serta pasangan (RM400 jika berkenaan) dibenarkan sekiranya pendapatan bercukai individu tersebut **tidak melebihi RM35,000**.

Berikut merupakan ambang jumlah pendapatan individu **TIDAK DIKENAKAN CUKAI** mengikut jenis taksiran

I) JUMLAH PENDAPATAN PENGGAJIAN (INDIVIDU) YANG TIDAK DIKENAKAN CUKAI

Individu yang menerima pendapatan penggajian tahunan melebihi RM 34,000 dan mereka yang mempunyai Potongan Cukai Bulanan layak dikenakan cukai.

Pengiraan ambang jumlah pendapatan individu yang **TIDAK DIKENAKAN CUKAI** adalah mengambil kira pendapatan kasar tahunan ditolak dengan pelepasan asas individu dan rebat cukai yang layak .

Pelepasan asas yang diambil kira adalah pelepasan individu dan saudara tanggungan serta pelepasan suami / isteri dan anak (di bawah umur 18 tahun) bagi individu yang telah berkahwin.

Manakala tolakan rebat individu (RM400) serta pasangan (RM400 jika berkenaan) dibenarkan sekiranya pendapatan bercukai individu tersebut tidak melebihi RM35,000 Berikut merupakan ambang jumlah pendapatan individu **TIDAK DIKENAKAN CUKAI** mengikut jenis taksiran : **JENIS TAKSIRAN PENDAPATAN TAHUNAN (RM) PENDAPATAN BULANAN (RM) Diri Sendiri (Bujang / janda / balu / duda / pasangan tiada punca pendapatan) Berasingan 1.**

Berkahwin + 0 Anak 2.

Berkahwin + 1 Anak 3.

Berkahwin + 2 Anak Bersama 1.

Berkahwin + 0 Anak 2.

Berkahwin + 1 Anak 3.

Berkahwin + 2 Anak Nota: * Jumlah pelepasan individu dan saudara tanggungan adalah RM9,000

** Jumlah pelepasan anak di bawah umur 18 tahun adalah RM2,000 bagi seorang anak ***

Jumlah kelayakan rebat (diri sendiri dan suami / isteri) terhadap pendapatan bercukai individu sehingga RM35,000 II) JUMLAH PENDAPATAN PENGGAJIAN PERNIAGAAN (INDIVIDU) YANG TIDAK DIKENAKAN CUKAI Keuntungan yang diperolehi daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion adalah merupakan pendapatan yang layak dikenakan cukai (termasuk sebarang bentuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa (Ekonomi Bayangan).

Perniagaan terdiri daripada: Milikan Tunggal / Bekerja Sendiri Individu yang menjalankan perniagaan secara perseorangan Perkongsian Meliputi sebarang bentuk kerjasama antara dua atau lebih pihak bagi menyatukan hak, kuasa, tenaga kerja atau kemahiran dalam menjalankan perniagaan dan mewujudkan perkongsian keuntungan.

Perkongsian mungkin wujud di antara : Individu-individu Dua syarikat Individu dan syarikat Individu dan pemegang amanah bagi sesuatu penyelesaian Contoh Perniagaan : Perniagaan Runcit Perniagaan Pasar Malam / Gerai Perniagaan Melalui Internet (Ekonomi Digital) Bidang Lakonan / Nyanyian / Duta Produk / Ulasan Produk Komisen / Kelas Tuisyen / Penceramah Perniagaan Jualan Langsung / Stokis Bidang Penulisan / Youtuber / Blogger Pertanian dan Penternakan Klinik, Firma Guaman atau Lain-Lain Pengamal Profesional Pemandu Teksi / e-hailing Senarai Pelepasan Cukai 2024 (Untuk e-Filing 2025) PELEPASAN CUKAI INDIVIDU PEMASTAUTIN TAHUN TAKSIRAN 2024 PELEPASAN CUKAI INDIVIDU Suami/Isteri/Alimoni kepada bekas isteri : RM4,000 Individu dan saudara tanggungan : RM9,000 Yuran pengajian (sendiri) : RM7,000 i) Di peringkat tertiar selain Sarjana atau Doktor Falsafah.

ii) Di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (terhad RM7,000).

iii) Kursus peningkatan kemahiran (terhad RM2,000).

Potongan tambahan individu kurang upaya : RM6,000 Suami/isteri kurang upaya : RM5,000 INSURANS & CARUMAN Skim persaraan swasta dan anuiti tertanggung : RM3,000 SSPN (Tabung Bersih) : RM8,000 PERKESO / Sistem Insurans Pekerjaan : RM350 Insurans pendidikan dan perubatan (individu, suami, isteri atau anak) : RM3,000 Insurans nyawa dan KWSP : RM7,000 i) Premium insurans nyawa / caruman KWSP (sukarela) (terhad RM7,000).

ii) Caruman KWSP (sukarela) / WAJIB / skim yang diluluskan untuk pekerja asing (terhad RM4,000).

GAYA HIDUP Gaya hidup (manfaat diri sendiri, pasangan atau anak) : RM2,500 i) Pembelian dan langganan bahan bacaan.

ii) Pembelian komputer peribadi, telefon pintar / tablet.

iii) Bil langganan internet (nama sendiri).

iv) Yuran kursus peningkatan kemahiran / ujian pemanduan.

Gaya hidup – Pelepasan tambahan (manfaat diri sendiri, pasangan atau anak) : RM1,000 i)

Pembelian peralatan sukan dan bayaran penyertaan sukan.

ii) Pendaftaran program pengajian.

iii) Fi keahlian gimnasium / latihan sukan.

Pemasangan / sewaan / pembelian / yuran langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri : RM2,500 PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS Perbelanjaan perubatan (diri sendiri, pasangan atau anak) : RM10,000 i) Penyakit serius.

ii) Rawatan kesuburan.

iii) Penjagaan kehamilan.

iv) Pemeriksaan COVID-19 dan vaksinasi.

v) Kos diagnosis intervensi awal autisme, hiperaktif dan disleksia.

Perbelanjaan untuk ibu bapa : RM8,000 i) Perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, keperluan harian dan penjagaan.

ii) Pemeriksaan kesihatan (terhad RM1,000).

Peralatan sokongan asas OKU (diri sendiri, pasangan, anak atau ibu bapa) : RM6,000

PELEPASAN CUKAI ANAK Anak di bawah umur 18 tahun belum berkahwin : RM2,000 Anak – 18 tahun dan ke atas : RM2,000 i) Belum berkahwin.

ii) Belajar sepenuh masa.

Pelepasan tambahan anak kurang upaya : RM8,000 i) Umur 18 tahun ke atas, belum berkahwin.

ii) Belajar sepenuh masa (Diploma atau setaraf di Malaysia / ijazah dan ke atas di luar Malaysia).

Anak kurang upaya belum berkahwin : RM6,000 Yuran taska / tadika berdaftar : RM3,000 i) Umur 6 tahun dan ke bawah.

ii) Dibenarkan tuntutan sama ada suami atau isteri.

Pembelian peralatan penyusuan : RM1,000 i) Pembayar cukai wanita sahaja.

ii) Anak berumur kurang 2 tahun.

iii) Boleh dituntut sekali setiap 2 tahun taksiran.

Penafian: Ilustrasi ini hanyalah ringkasan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my Apakah Yang Patut Dilakukan Jika Anda Layak Dikenakan Cukai? Setiap individu yang boleh dikenakan cukai dikehendaki melaporkan kesemua pendapatan kepada HASiL.

Individu tersebut adalah bertanggungjawab untuk : Daftar Nombor Cukai Pendapatan / Kemaskini Maklumat Lapor Pendapatan Tahunan Bayar Cukai Pendapatan Permohonan pendaftaran nombor rujukan cukai pendapatan boleh dilakukan di cawangan yang berhampiran ATAU secara online melalui Portal NOTA: Pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat secara : dalam talian (online) melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my>

Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut : Pendaftaran secara e-Daftar : Pasport bagi bukan warganegara Malaysia Sijil Pendaftaran Perniagaan (bagi individu menjalankan perniagaan) Maklumat Lanjut Tentang Pelepasan Cukai 2024 / 2025 Sila layari laman web <http://www.hasil.gov.my/> atau hubungi cawangan LHDNM atau Pusat Khidmat Pelanggan Hasil Care Line untuk mendapatkan keterangan lanjut berkenaan Pelepasan Cukai 2024/2025 bagi memudahkan proses e-Filing 2024.

Hasil Care Line 603-8911 1100 (Luar Negara) Rujukan Segera Penggajian (Tiada Pendapatan Perniagaan) Perniagaan (Bekerja Sendiri / Perkongsian) e-Filing Bantuan Khas Kerajaan / Bantuan Keluarga Malaysia Sekiranya tuan/puan mengalami masalah menghubungi Hasil Care Line, tuan/puan juga boleh menghubungi mana-mana Cawangan LHDNM terdekat untuk mendapatkan bantuan.

Untuk sebarang maklumbalas / pertanyaan / permohonan melalui emel, sila gunakan Borang Maklumbalas Pelanggan di portal rasmi LHDNM.

Perhatian: Untuk kategori maklumbalas, sila pilih hanya satu kategori sahaja iaitu samada "Pertanyaan" atau "Permohonan".

<https://ecentral.my/pelepasan-cukai-2024-2025>